




## CARTA ALIR PERMOHONAN



NOTA:  
JKPS = JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT

## GARIS PANDUAN PENAMAAN SKIM PEMAJUAN ATAU BANGUNAN

TELAH DITERIMAPAKAI DALAM MESYUARAT MAJLIS YANG BERSIDANG PADA 24 MEI 2017

JABATAN PERANCANGAN BANDAR,  
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU,  
TINGKAT 5, MENARA PMINT,  
JALAN SULTAN ISMAIL,  
20200 KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU DARUL IMAN

TEL: 09-627 1265/75  
FAX: 09-627 1150



## GARIS PANDUAN PENAMAAN SKIM PEMAJUAN ATAU BANGUNAN



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU  
"BANDARAYA WARISAN PESISIR AIR"



كمفوغ لوسوغ حاج سو  
Kg. Losong Hj. Su

## GARIS PANDUAN

1 MENGGUNAKAN BAHASA MELAYU SEPENUHNYA DAN PERCAMPURAN BAHASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SERTA PENGGUNAAN BAHASA ENGLISH ADALAH TIDAK DIGALAKKAN.

2 NAMA YANG DICADANGKAN BELUM DIGUNAPAKAI DALAM MANA-MANA PEMBANGUNAN SEDIA ADA DALAM DAERAH KUALA TERENGGANU DAN DAERAH KUALA NERUS.

3 NAMA DAN GELARAN BAGI SESEBUAH NEGERI ADALAH TIDAK DIBENARKAN.

4 CADANGAN NAMA YANG MELAMBANGKAN ATAU MEMBAWA IDENTITI DAN SEJARAH KAWASAN SETEMPAT ADALAH AMAT DIGALAKKAN.

5 CADANGAN PENGGUNAAN NAMA "BANDAR BAHARU" HANYA DIBENARKAN UNTUK SKIM PEMAJUAN MENGANDUNGI 2000 UNIT KEDIAMAN ATAU LEBIH YANG MELIPUTI KAWASAN SELUAS 100 HEKTAR ATAU LEBIH.

6 CADANGAN PEMAJUAN YANG TIDAK MENGANDUNGI KOMPONEN KEMUDAHAN AWAM SEPERTI KAWASAN LAPANG, RUMAH IBADAT, DEWAN DAN LAIN-LAIN HENDAKLAH MENGGUNAPAKAI NAMA "DESA" BERBANDING "TAMAN" ATAU MENERUSKAN NAMA SKIM PERUMAHAN / PROJEK BERSEBELAHAN SEBAGAI FASA KE-2 DAN SETERUSNYA.

7 CADANGAN SKIM PERKEDAIAN / PERNIAGAAN HENDAKLAH MENGGUNAPAKAI NAMA WISMA, DATARAN, MENARA, PUSAT NIAGA ATAU SEBARANG NAMA YANG MELAMBANGKAN AKTIVITI PERNIAGAAN.

8 SKIM PEMAJUAN 10 HEKTAR DAN KE ATAS DAN *FREE STANDING BUILDING* 10 TINGKAT DAN KE ATAS SERTA BANGUNAN YANG MENGANDUNGI 250 UNIT KEDIAMAN/ PERNIAGAAN DAN KE ATAS BOLEH DICADANGKAN NAMA PEMILIK ATAU PEMAJU SYARIKAT BERKENAAN.

9 PERMOHONAN PENAMAAN SKIM PEMAJUAN ATAU BANGUNAN BOLEH DIBUAT UNTUK MANA-MANA SKALA PROJEK.

10 NAMA SETIAP JALAN DALAM CADANGAN SKIM PEMAJUAN HENDAKLAH MENGIKUT NAMA YANG DILULUSKAN BAGI SKIM BERKENAAN.

11 SEMUA *SIGNAGE* DALAM SKIM PEMAJUAN BERUPA TANDA NAMA JALAN, TANDA NAMA SKIM DAN TANDA NAMA BANGUNAN HENDAKLAH MENGANDUNGI TULISAN JAWI SERTA MEMATUHI SYARAT REKA BENTUK YANG DITETAPKAN DI PERINGKAT KELULUSAN PELAN KEJURUTERAAN DAN PELAN BANGUNAN.

## TATACARA PERMOHONAN

- 1) PEMOHON BOLEH MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN CADANGAN NAMA SKIM PEMAJUAN ATAU BANGUNAN DI UNIT PUSAT SETEMPAT ATAU MEMUAT TURUN BORANG DARI LAMAN SESAWANG RASMI MBKT; [mbkt.terengganu.gov.my](http://mbkt.terengganu.gov.my)
- 2) SEMUA BORANG PERMOHONAN HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP DAN MANA-MANA BORANG YANG TIDAK LENGKAP TIDAK AKAN DILAYAN.
- 3) PERMOHONAN BOLEH DIBUAT SECARA SERENTAK DENGAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMAJUAN BERKENAAN ATAU DIBUAT SECARA BERASINGAN UNTUK MANA-MANA PEMBANGUNAN SEDIA ADA DI TAPAK.
- 4) BAGI PERMOHONAN PENAMAAN SEMULA NAMA SKIM PEMAJUAN ATAU BANGUNAN HENDAKLAH DISERTAKAN BERSAMA MINIMA 2 SALINAN PELAN SUSUN ATUR / PELAN TAPAK BERSAIZ MINIMA A3 YANG MENGANDUNGI PELAN KUNCI DAN PELAN LOKASI SERTA GAMBAR TAPAK SEMASA. UNTUK SKIM KEDIAMAN BERTANAH HENDAKLAH DIBUAT MELALUI PERSATUAN PENDUDUK BERDAFTAR YANG DISERTAKAN BERSAMA MINIT MESYUARAT LENGKAP. MANAKALA UNTUK SKIM BERSTRATA HENDAKLAH DIBUAT MELALUI PERBADANAN PENGURUSAN (MC / JMB) YANG DISERTAKAN BERSAMA SALINAN LENGKAP MINIT MESYUARAT (AGM / EGM).
- 5) PEMOHON DISARAN UNTUK MENYERTAKAN BERSAMA SIJIL PENGESAHAN BAHASA DARIPADA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA UNTUK SEMUA CADANGAN NAMA. PERMOHONAN SIJIL PENGESAHAN BAHASA BOLEH DIBUAT MELALUI LAMAN RASMI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA SEPERTI BERIKUT :  
<http://sbmb.dbp.gov.my/iklan/pelanggan/login.aspx>